

Cabaran menguasai Konjugasi Kata Kerja Bahasa Sepanyol dalam Membina Ayat Gramatis dan Cadangan Didaktik

Challenges in Mastering Verb Conjugation in Spanish for Constructing Grammatical Sentences and Didactic Suggestions

Mariyati Mohd Nor^{1*}, Amreet Kaur a/p Jageer Singh², Nor Akmal Othman³ & Gan Jia Seng⁴

¹²³⁴ Pusat Kemahiran Bahasa, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Email: mariyati@fbk.upsi.edu.my

Received: 26 June 2024; **Revised:** 09 December 2024 **Accepted:** 24 April 2024; **Published:** 25 April 2025

To cite this article (APA): Mohd Nor, M., Jageer Singh, A. K., Gan, G. J. S., & Othman, N. A. (2025). Cabaran menguasai Konjugasi Kata Kerja Bahasa Sepanyol dalam Membina Ayat Gramatis dan Cadangan Didaktik. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(1), 65- 79. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.4.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.4.2025>

Abstrak

Kajian ini akan mengenal pasti kesukaran dan cabaran pelajar menguasai konjugasi kata kerja bahasa Sepanyol dalam membina ayat gramatis dan mencadangkan didaktik yang sesuai bagi membantu memantapkan penguasaan kosa kata tersebut. Bagi mencapai objektif kajian, data yang dibentangkan dikumpul melalui dua latihan tatabahasa yang dijalankan di dalam kelas dan temubual bersama pelajar terpilih. Sebanyak 60 jawapan pelajar dianalisis bagi kedua-dua latihan dan 10 orang pelajar terlibat dalam temubual berkaitan didaktik atau bahan yang digunakan oleh tenaga pengajar bagi membantu penguasaan kata kerja. Data dianalisis melalui pendekatan kualitatif deskriptif menunjukkan beberapa siri kesukaran pelajar dari aspek konjugasi kata kerja yang menghalang pelajar di Malaysia menghasilkan ayat gramatis dalam bahasa Sepanyol. Cabaran yang dihadapi oleh pelajar adalah dari aspek konjugasi *verbal* (kata kerja *regular*) yang terdapat dalam bahasa ini. Hasil daripada dapatan kajian ini dijadikan panduan perancangan oleh tenaga pengajar untuk memantapkan lagi rancangan pengajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing supaya lebih mudah difahami dalam membentuk aktiviti yang lebih sesuai dan berkesan dalam membantu pelajar meningkatkan penguasaan bahasa dan seterusnya mampu menghasilkan ayat gramatis. Kajian ini juga akan mencadangkan didaktik yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata kerja dalam bahasa Sepanyol bagi memantapkan penguasaan konjugasi kata kerja pelajar dan persepsi pelajar terhadap bahan yang digunakan.

Kata kunci: Cabaran, konjugasi, kata kerja, gramatis, didaktik

Abstract

This study aims to identify the difficulties and challenges faced by students in mastering Spanish verb conjugation when constructing grammatically correct sentences, and to propose suitable didactics to enhance their mastery of this vocabulary. To achieve the study's objective, data were collected through two grammar exercises conducted in class and interviews with selected students. A total of 60 student responses were analyzed from both exercises, and 10 students participated in interviews related to the teaching methods or materials used by instructors to assist in mastering verb conjugation. The data were analyzed using a qualitative descriptive approach, revealing a series of challenges faced by students in verb conjugation that hindered their ability to construct grammatically correct sentences in Spanish. The difficulties encountered by students were primarily related to the conjugation of regular verbs in the language. The findings of this study will serve as a guide for instructors to improve lesson planning in Spanish as a foreign language, making it easier for students to understand and creating more suitable and effective activities that help students improve their language skills and ultimately construct grammatically

correct sentences. This study will also propose appropriate didactics for teaching and learning verb conjugation in Spanish, aimed at strengthening students' mastery of verb conjugation and improving their perceptions of the materials used.

Keywords: Challenges, conjugation, verbs, grammar, didactics

PENGENALAN

Pembelajaran Bahasa Sepanyol di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Bahasa Sepanyol (BS) ditawarkan kepada pelajar sebagai kursus elektif terbuka dan audit. Kursus ini diajar tiga peringkat iaitu tahap I, II dan III. Kemua tahap adalah tahap asas. Hasil pembelajaran daripada kursus ini ialah pelajar dapat mengenal pasti elemen tatabahasa seperti bunyi dan sebutan, pembentukan kata (kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata bantu), aspek pembinaan ayat dan seterusnya boleh mengaplikasikan penggunaan bahasa Sepanyol asas dalam komunikasi harian. Tenaga pengajar menggunakan pelbagai bahan dan strategi bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol supaya lebih berkesan dengan memfokuskan kepada sistem tatabahasa dan menggalakkan penggunaan bahasa ini di dalam kelas. Antara bahan yang digunakan adalah modul, blog interaktif, canva, youtube, lagu, filem, kahoot, quizzlet, wordwall, permainan bahasa, sumber daripada internet dan pelbagai lagi. Rajah 1 menunjukkan jam pengajaran bagi kursus ini di UPSI adalah selama 2 jam seminggu dan kursus ini berlangsung selama 28 jam bagi satu semester. Kandungan pengajaran bahasa ini adalah sejajar dengan isi kandungan yang tergaris dalam *The Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*. Antara topik yang terkandung dalam rancangan pengajaran kursus asas BS ini adalah kata kerja. Kata kerja yang dipelajari oleh pelajar tahap satu di UPSI adalah kata kerja kala kini dan terdiri daripada kata kerja *regular* dan tidak *regular*.

6	Kata Kerja Regular Unit 3 - Kata Kerja Regular - Bagaimana untuk mengkonjugasikan kata kerja regular dan penggunaan kata kerja ini di dalam ayat. Kata kerja berakhir dengan <i>ar, er</i> dan <i>ir</i> . Regular Verb Unit 3 - Regular Verbs - How to conjugate regular verbs and the usage of the verbs in the sentences . Verbs ending with 'ar, er and ir'	✓	2	0	0	0
7	Kegemaran (GUSTARSE) Unit 3 - Kegemaran (GUSTARSE) - Untuk menyatakan tentang kegemaran - Pelajar berbicara tentang apa yang mereka suka dan tidak suka Preferences (GUSTARSE) Unit 3 - Preferences (GUSTARSE) - To tell about preferences - Students talk about what they like and dislike.	✓	2	0	0	0
8	Kata Kerja Irregular Unit 4 - Kata kerja Irregular Menerangkan tentang kata kerja Irregular, konjugasi dan penggunaan kata kerja ini dalam ayat. Irregular Verb Unit 4 - Irregular verbs Explain about irregular verbs, conjugation and the usage of the verbs in the sentences	✓	2	0	0	0

Rajah 1: Rancangan Mingguan (minggu 6: Kata kerja biasa /regular)

Kata kerja dalam BS berakhir dengan tiga akhiran -ar,-er dan -ir. Kata-kata kerja ini perlu ditukar akhiran mengikut subjek atau pelaku yang melakukan perbuatan tersebut. Penukaran ini dinamakan konjugasi.

Konjugasi Pertama (ar) **hablar** (bercakap), **estudiar** (belajar), **trabajar** (bekerja), **nadar** (berenang), **montar** (menunggang), **comprar** (membeli), **escuchar** (mendengar), **cantar** (menyanyi), **bailar**(menari)dan sebagainya.

Konjugasi kedua (-er) **comer** (makan), **beber** (minum), **leer** (membaca), **ver** (melihat), **comprender** (memahami), **vender** (menjual), **aprender** (mempelajari), **correr** (berlari) dan sebagainya


Konjugasi ketiga (-ir) **-vivir** (tinggal), **escribir** (menulis), **recibir** (menerima), **abrir** (membuka), **subir** (menaiki), **cubrir** (menutupi) dan sebagainya. Konjugasi bagi kata kerja dalam BS adalah seperti berikut:

Subjek	<i>Estudiar</i> (belajar)	<i>Aprender</i> (mempelajari)	<i>Vivir</i> (tinggal)
Yo ‘saya’	<i>estudio</i> saya belajar	<i>aprendo</i> saya mempelajari	<i>vivo</i> saya tinggal
Tú ‘awak’	<i>estudias</i> awak belajar	<i>aprendes</i> awak mempelajari	<i>vives</i> awak tinggal
Él/ella/usted ‘dia’	<i>estudia</i> dia belajar	<i>aprende</i> dia mempelajari	<i>vive</i> dia tinggal
Nosotros/as ‘kami’	<i>estudiamos</i> kami belajar	<i>aprendemos</i> kami mempelajari	<i>vivimos</i> kami tinggal
Vosotros/as ‘kamu’	<i>estudiais</i> kamu belajar	<i>aprendéis</i> kamu mempelajari	<i>vis</i> kamu tinggal
Ellos/ellas/ustedes ‘mereka’	<i>estudian</i> mereka belajar	<i>aprenden</i> mereka mempelajari	<i>viven</i> mereka tinggal

Jadual 1: Konjugasi kata kerja

Sujeto merujuk kepada subjek yang melakukan perbuatan tersebut. *Yo* (saya), *tú* (awak), *él/ ella* (dia lelaki/perempuan), *usted* (panggilan formal), *nosotros* (kami), *vosotros* (kamu) dan *ellos/ellas* (mereka). Kata kerja *estudiar* (belajar), *aprender* (mempelajari) dan *vivir* (tinggal) ialah kata kerja dasar dan perlu dikonjugasikan menjadi *estudio* (saya belajar), *aprendo* (saya mempelajari) *vivo* (saya tinggal). Begitu juga sekiranya subjek adalah awak, dia, kami, kamu dan mereka, kata kerja yang digunakan mesti diubah akhirnya seperti tertera di dalam Jadual 1.

Pelajar menghadapi kesukaran dan cabaran dalam melakukan konjugasi ini adalah kerana sistem konjugasi ini tiada dalam bahasa ibunda pelajar dan kesilapan kerap berlaku dalam pembinaan ayat. Kesilapan yang berlaku dipengaruhi oleh banyak aspek seperti pengaruh bahasa ibunda, bahasa kedua pelajar, perbezaan ciri linguistik yang terdapat pada bahasa sasaran dan bahasa ibunda pelajar dan sebagainya (Mariyati & Intan, 2017). Berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar seramai 129 orang, Rajah 2 menunjukkan 25.7% iaitu seramai 47 orang mengatakan aspek konjugasi adalah aspek yang paling susah sekali dalam bahasa Sepanyol, diikuti oleh aspek nahu atau tata bahasa dengan 40 orang (21.9%), kosa kata dengan peratus 12% (22 orang) dan aplikasi bahasa dalam komunikasi seramai 20 orang iaitu (10.9%).



Rajah 2: Respon pelajar

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan kesukaran dan cabaran pelajar Malaysia dalam menguasai konjugasi kata kerja biasa dalam membina ayat gramatis dan mencadangkan didaktif yang sesuai bagi membantu pembelajaran pelajar.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian reka bentuk penyelidikan kualitatif (primer) dan data kualitatif ini akan disokong dengan data kuantitatif (sekunder). Data dihuraiikan secara deskriptif dan peratusan. Data bagi kajian ini diambil daripada skrip jawapan dua latihan kata kerja yang telah dilaksanakan didalam kelas melibatkan 30 orang pelajar tahap satu Kursus Asas Komunikasi Bahasa Sepanyol. Latihan pertama mengandungi 10 soalan menilai sama ada pelajar berjaya mengkonjugasikan kata kerja berdasarkan subjek atau pelaku di dalam ayat yang diberikan. Latihan kedua pula adalah latihan berbentuk terjemahan ayat untuk mengenal pasti kesilapan yang paling kerap berlaku dalam konjugasi kata kerja biasa dalam 6 ayat yang perlu diterjemahkan oleh pelajar. Dalam aktiviti tersebut, pelajar perlu menterjemah ayat daripada bahasa Melayu kepada bahasa Sepanyol dan menggunakan kata kerja yang betul. Sebanyak 60 skrip jawapan pelajar dianalisis.

Protokol temubual pula melibatkan 10 orang pelajar sahaja dan tiada kriteria khusus dalam pemilihan peserta yang terlibat. Pemilihan responden adalah berdasarkan sukarela. Temubual telah dijalankan di dalam kelas secara santai selepas latihan dijalankan. Pelajar terlibat telah diberitahu berkenaan dengan pengutipan data dan pelajar telah menyatakan persetujuan secara lisan. Ini mendorong mereka untuk merasa lebih santai apabila meluahkan dan berkongsi pendapat. Temubual dijalankan sepenuhnya dalam bahasa Melayu agar mudah bagi pelajar menyatakan pendapat berkenaan dengan kesukaran dan cabaran yang dihadapi dalam menjawab soalan berkaitan konjugasi kata kerja. Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual berstruktur. Senarai soalan terbuka telah dibina khusus untuk menjawab objektif utama kajian ini. Jawapan kepada soalan-soalan ini diekstrak dalam transkrip dengan gabungan alfanumerik untuk merujuk kepada peserta tertentu. Sebagai contoh, [P1] merujuk kepada peserta pertama, [P2] kepada peserta kedua dan senarai berterusan sehingga [P10], iaitu peserta kesepuluh dan terakhir. Untuk memudahkan pemahaman daripada bakal pembaca kajian ini, kami juga menghasilkan terjemahan bahasa Melayu bagi data yang ditulis dalam bahasa Sepanyol.

DAPATAN KAJIAN

Latihan 1

Dalam pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing, pelajar menghadapi pelbagai cabaran dan kekeliruan lebih-lebih lagi dalam menggunakan kata kerja. Hal ini adalah kerana kata kerja dalam BS mempunyai 6 bentuk konjugasi berbeza bergantung kepada subjek. Konjugasi yang dipelajari oleh pelajar BS tahap satu adalah melibatkan kata kerja biasa atau *regular*. Kajian ini tidak menyentuh berkaitan kata kerja *irregular* yang lebih sukar dan rumit. Walaupun tenaga pengajar sedaya upaya menerangkan, menjelaskan untuk meningkatkan kefahaman dan membantu pelajar membina ayat namun kesilapan terus berlaku dan tidak dapat dielakkan. Melalui data yang dianalisis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar terdiri daripada kesilapan gabungan kata kerja dengan subjek, kesilapan ejaan kata kerja, menulis kata kerja dalam bentuk dasar (tidak mengkonjugasikan kata kerja) dan menulis kata kerja yang tidak berkaitan. Dalam latihan yang pertama, pelajar diminta untuk menulis kata kerja yang terdapat dalam kurungan dengan mengkonjugasikan kata kerja tersebut dengan betul mengikut subjek atau pelaku. Soalan mengandungi 5 ayat dengan kata kerja akhiran -ar, 3 ayat dengan kata kerja akhiran -er dan 2 ayat mengandungi kata kerja dengan akhiran -ir. 10 soalan yang ditanya adalah seperti berikut:

1. *Nosotros* _____ *en la biblioteca (estudiar)* kami belajar di perpustakaan
2. *Normalmente, yo* _____ *los veranos en Buenos Aires. (pasar)*
Kebiasaanya, saya menghabiskan musim panas di Buenos Aires.
3. *Los osos* _____ *miel (comer)*. Beruang makan madu.
4. *¿Dónde* _____ *tú?(vivir)*. Dimanakah awak tinggal?
5. *¿Qué* _____ *él? Él* _____ *jugo de naranja. (beber)*. Apakah yang dia minum?
Dia minum jus oren.
6. *Nosotros* _____ *el coche esta tarde. (lavar)*. Kami membasuh kereta petang ini.
7. *Eugenio* _____ *cada noche. (estudiar)*. Eugenio belajar setiap malam.
8. *Felicia* _____ *los fines de semana en la playa. (pasar)*. Felicia menghabiskan masa hujung minggu di pantai.
9. *Felipe* _____ *ocho vasos de agua cada día. (beber)*. Felipe minum 8 gelas air setiap hari.
10. *Mateo y su familia* _____ *en Nueva York. (vivir)*. Mateo dan keluarganya tinggal di New York.

Analisis data mengikut peratusan


Akhiran kata kerja	Peratusan betul
-ar	120/150 = 80%
-er	60/90 = 66%
-ir	31/60 = 52%
Total	211/300 = 70%

Jadual 2: Peratusan bagi Latihan 1

Dapatan menunjukkan sebahagian pelajar tahu mengkonjugasikan kata kerja dengan akhiran -ar namun masih ada lagi yang gagal mengkonjugasikan dengan baik. Kata kerja ini paling banyak yang betul disebabkan kata kerja dengan akhiran -ar adalah yang pertama diperkenalkan kepada para pelajar dan konjugasi yang lebih mudah berbanding kata kerja dengan akhiran -er dan -ir. Daripada 150 ayat pelajar, 120 ayat dijawab dengan baik dengan 80% betul berbanding 30 ayat dijawab salah oleh pelajar. Bagi kata kerja dengan akhiran -er pula 60 ayat (66%) daripada 90 ayat dijawab dengan betul menggunakan kata kerja dengan akhiran -er namun, 30 lagi ayat masih salah konjugasi kata kerja yang dilakukan oleh pelajar. Kata kerja konjugasi kedua tidak sebaik yang pertama. Jadual 2 menunjukkan bahawa bahagian yang paling sukar dalam tugas ini adalah untuk menggabungkan kata kerja dengan


akhiran -ir, mungkin kerana kata kerja dengan akhiran -ir adalah yang paling kurang digunakan dalam bahasa Sepanyol. Dapatan menunjukkan 31 ayat dengan peratusan 52% betul dan 29 ayat lagi salah.

Cabaran kesilapan gabungan kata kerja dengan subjek.




Rajah 3: Kata kerja berakhir dengan -ar

Dapatan menunjukkan bahawa, sebahagian pelajar tidak dapat menggunakan kata kerja dengan betul mengikut subjek atau pelaku yang melakukan perbuatan tersebut. Ayat daripada Rajah 3 menunjukkan semua kata kerja yang digunakan tidak tepat. Subjek *nosotros* (kami) menggunakan kata kerja *estudiamos*, tetapi pelajar menggunakan kata kerja *estudia* (dia belajar) *Felicia* (*ella*) menggunakan kata kerja *pasa* namun pelajar menggunakan kata kerja *pasan* (mereka menghabiskan). Manakala *yo* (saya) digabungkan dengan kata kerja *paso* bukan *pasa* (dia) yang dikonjugasikan oleh pelajar. *Nosotros* menggunakan kata kerja *lavamos* (kami membasuh) namun pelajar menggunakan kata kerja kamu membasuh iaitu *lavais* dan *Eugenio* (dia) dengan kata kerja *estudia* (dia belajar) bukan *estudias* (awak belajar). Kata kerja di atas merujuk kepada konjugasi kata kerja dengan akhiran -ar.




Rajah 4: Kata kerja berakhir dengan -er

Bagi kata kerja dengan akhiran -er juga memperlihatkan kesilapan yang sama iaitu tidak mengkonjugasikan kata kerja dengan betul mengikut subjek. Ia dapat dilihat daripada dapatan di Rajah 4. Felipe *bebe* (dia minum) bukan *bebes* (awak minum), begitu juga ayat seterusnya juga menggunakan *bebes* (Awak minum) sedangkan subjek atau pelaku ialah dia. *Los osos* (beruang- beruang itu) merujuk kepada mereka dan kata kerja makan yang digunakan iaitu *comein* adalah salah dari segi ejaan dan ejaan sebenar ialah *comen* (mereka makan).




Rajah 5: Kata kerja berakhir dengan -ir

Kesilapan turut berlaku untuk konjugasi kata kerja berakhir dengan -ir. Kata kerja *vivir* (tinggal) di konjugasikan tidak mengikut subjek dengan betul. Subjek bagi ayat di atas ialah *tú* (awak) dan *Mateo y su familia* (mereka) menggunakan kata kerja *vives* (awak tinggal) dan *viven* (mereka tinggal). Walau bagaimanapun, kata kerja yang digunakan pelajar ialah *vive* (dia tinggal), *vivo* (saya tinggal) dan *vivis* (kamu tinggal) yang tidak sejajar dengan subjek atau pelaku. Ia dapat dilihat berdasarkan Rajah 5.




Rajah 6: Kesilapan ejaan kata kerja.

Berdasarkan Rajah 6, ejaan kata kerja juga kadang-kadang memberi kekeliruan kepada pelajar. Pelajar tidak dapat mengeja dengan betul dan tepat. Dapatan menunjukkan kesilapan ejaan untuk kata kerja *estudiamos*, *lavamos* dan *comen*.



Rajah 7: Kesilapan kata kerja ditulis dalam bentuk dasar (tidak mengkonjugasikan kata kerja)

Dapatan kesilapan kata kerja ini pula berdasarkan Rajah 7 merujuk kepada penggunaan kata kerja yang tidak dikonjugasikan oleh pelajar. Pelajar menggunakan bentuk kata dasar bagi kata kerja yang terdapat di dalam kurungan dan meletakkan semula ke dalam ruangan kosong tanpa mengubah akhiran kata kerja tersebut. Pelajar tidak peka dengan arahan soalan dan tidak tahu kata kerja tersebut perlu dikonjugasikan.



Rajah 8: Kesilapan pemilihan kata kerja

Kata kerja yang dipilih oleh pelajar adalah kata kerja yang tiada kena mengena dengan soalan dan pelajar tidak menggunakan kata kerja yang disediakan di hujung soalan yang terdapat dalam kurungan seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 8. Hal ini sangat merugikan kerana tenaga pengajar telah menyediakan kata kerja yang betul dan pelajar hanya perlu mengkonjugasikan kata kerja berkenaan dengan betul. Namun, pelajar memilih kata kerja yang salah dan kata kerja yang dipilih tidak sejajar dengan subjek dan menjadikan maksud ayat tidak tepat dan gramatis. Sebagai contoh, ayat *¿Qué estas él? Él beberis juga de naranja*. Ayat ini tidak tepat dan mempunyai makna yang betul. Kata kerja *beberis* juga tidak wujud. Begitu juga ayat seterusnya iaitu *¿Qué eres él?*. Kata kerja yang betul ialah *bebe* dalam ayat *¿Qué bebe él?*. Apakah yang dia minum? Ayat 8 pula menggunakan kata kerja lain yang tidak mengikut arahan yang diberikan. Walaupun konjugasi betul namun tidak tepat.

Dapatan Latihan 2

Latihan kedua mengenal pasti kesilapan yang paling kerap berlaku dalam konjugasi kata kerja *regular*. Dalam aktiviti tersebut, pelajar perlu menterjemah ayat daripada bahasa Melayu kepada bahasa Sepanyol dan menggunakan kata kerja yang sesuai. Ayat yang perlu diterjemahkan adalah seperti dalam Jadual 3:

Jadual 3: Kesilapan paling kerap dilakukan dalam terjemahan ayat

1. Kami belajar bahasa Sepanyol sebab menarik (<i>Estudiamos español porque es interesante</i>).
2. Bilik saya adalah sangat kemas dan besar (<i>Mi cuarto está muy ordenado y es grande</i>).
3. Dia menulis surat kepada teman wanitanya (<i>Él escribe una carta a su novia</i>).
4. Saya hendak makan nasi goreng dan sup ayam (<i>Quiero comer arroz frito y sopa de pollo</i>).
5. Mereka suka makan nasi dan minum jus oren (<i>Le gusta comer arroz y beber zumo de naranja</i>).
6. Saya suka menonton televisyen dan mendengar radio. (<i>Me gusta ver la televisión y escuchar la radio</i>).


Klasifikasi kesalahan yang dilakukan dalam penggunaan kata kerja telah dijalankan dengan mengambil kira kategori berikut: kesilapan dalam paradigma lisan, kesilapan dalam pemilihan leksikal, kesalahan ejaan, kesilapan pengurangan kata kerja dan kesilapan penambahan. Dapatan tersebut dapat dilihat melalui Jadual 4.

Jadual 4: Peratusan Latihan 2

Jenis kesilapan	Bilangan kesilapan	Peratus
Kesilapan dalam paradigma lisan	50	27
Kesilapan dalam pemilihan leksikal	30	17
Kesalahan ejaan	19	10
Kesilapan pengurangan kata kerja	5	2
Kesilapan penambahan	5	2
Jumlah	109	58%

Kesilapan dalam paradigma lisan

Kesilapan yang berlaku dalam latihan dua ini menunjukkan kesilapan yang sama iaitu tiada persetujuan diantara kata kerja dan subjek yang melakukan perbuatan tersebut. Contoh adalah seperti dalam Rajah 9.




Rajah 9: Kesilapan dalam paradigma lisan

Dalam hal ini, pelajar membuat konjugasi yang salah kerana mereka tidak memahami unsur ayat mana yang menjadi subjek Untuk lebih memahami kesalahan jenis ini oleh pelajar Malaysia, perlu diambil kira bahawa dalam bahasa Melayu sistem lisan adalah lebih mudah, daripada dalam bahasa Sepanyol kerana ia tidak mempunyai pengakhiran orang dan kami menggunakan kata kerja yang sama untuk setiap subjek. Kesilapan ini ialah kesilapan yang paling kerap dilakukan pelajar iaitu sebanyak 50 kesilapan.

Kesilapan pemilihan kata kerja


Berdasarkan Rajah 10, kesilapan dalam pemilihan lexis adalah sebanyak 30, yang mewakili 17% daripada jumlah kesalahan yang dilakukan dalam penggunaan kata kerja Sekali lagi perbezaan besar antara bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu dari segi lexis dalam hal ini membawa kepada jenis-jenis kesilapan. Dalam beberapa kes terdapat gangguan semantik daripada bahasa Melayu. Kesalahan berlaku apabila hanya terdapat satu kata kerja dalam bahasa Melayu yang sepadan dengan sesuatu yang boleh diungkapkan dalam bahasa Sepanyol menggunakan beberapa kata kerja. Dalam kes ini, pelajar mempunyai perbendaharaan kata yang sangat terhad dan kadangkala terlupa kata kerja yang telah dipelajari di dalam kelas.



Rajah 10: Kesilapan pemilihan kata kerja

Kesilapan ejaan atau Ortografi


Terdapat 19 kesalahan ejaan, yang mewakili 10% daripada jumlah kesalahan yang dilakukan dalam penggunaan kata kerja berdasarkan Rajah 11. Kajian ini berpendapat bahawa kesilapan dalam kes ini adalah disebabkan oleh kesukaran untuk membezakan beberapa fonem yang sepadan dengan beberapa konsonan dan vokal. Bagi kesalahan ejaan morfem konjugasi, kadangkala pelajar menambah morfem yang tidak perlu atau menggunakan pengakhiran yang tidak tergolong dalam paradigma Sepanyol. Pelajar tidak pasti cara mengeja kata kerja dengan betul.



Rajah 11: Kesilapan ejaan dan ortografi

Kesilapan pengurangan kata kerja


Kesilapan pengurangan merujuk kepada ketiadaan kata kerja yang perlu ada di dalam ayat. Ayat yang diterjemahkan seperti Rajah 12 tidak mengandungi kata kerja *gustar* atau suka serta kata kerja *es* bagi ayat 7 dan 8. Kehilangan kata kerja ini menjadikan ayat tidak gramatis dan tidak lengkap.



Rajah 12: Kesilapan pengurangan kata kerja

Kesilapan penambahan kata kerja

Berdasarkan Rajah 13, ia adalah operasi yang bertentangan dengan pengurangan dan melibatkan kewujudan morfem atau perkataan yang tidak sepatutnya muncul, iaitu berlebihan. Dalam hal ini, terdapat penambahan yang tidak perlu bagi kata kerja yang lain. Penambahan merujuk kepada kemasukan unsur atau kosa kata yang tidak perlu. Penambahan ini boleh membawa makna yang berbeza dan menjadikan ayat tidak gramatis.



Rajah 13: Kesilapan penambahan kata kerja

Cadangan didaktik

Hasil daripada dapatan kajian ini dijadikan panduan perancangan oleh tenaga pengajar untuk memantapkan lagi rancangan pengajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing supaya lebih mudah difahami dalam membentuk aktiviti yang lebih sesuai dan berkesan dalam membantu pelajar meningkatkan penguasaan bahasa dan seterusnya mampu menghasilkan ayat gramatis. Kajian ini juga akan merekomendasikan didaktik yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata kerja dalam bahasa Sepanyol bagi memantapkan penguasaan konjugasi kata kerja pelajar.

Permainan bahasa

Permainan bahasa *Konjugar Amuizon* adalah satu kombinasi permainan kad dan dam ular yang bertujuan untuk membantu pelajar menguasai konjugasi kata kerja dalam BS. Permainan ini mempunyai naratif atau jalan cerita yang menarik dan boleh dimainkan oleh 4 orang pelajar pada satu masa. Permainan ini mempunyai peraturan dan cabaran yang perlu dilakukan untuk sampai ke destinasi yang ditujui. Tugasan sepanjang permainan adalah mengkonjugasikan kata kerja dalam BS mengikut subjek dan warna kad yang terpilih (cabaran untuk diselesaikan) dan pelajar juga perlu memecahkan kod melibatkan penggunaan kata kerja (membina ayat menggunakan kata kerja) untuk menyelesaikan

masalah dan bergerak ke nombor seterusnya. Berdasarkan Rajah 14, hasil temubual bersama 10 orang pelajar selepas kelas menunjukkan pelajar berasa seronok dan tidak puas bermain. Persepsi pelajar adalah sangat positif dan pelajar menyatakan bahawa permainan bahasa ini membantu mereka menguasai konjugasi dengan lebih cepat dan mudah. Pelajar juga mencadangkan agar cabaran yang lebih hebat perlu dimasukkan untuk menjadikan permainan lebih mencabar dan menarik.



Rajah 14: Pembelajaran kata kerja melalui permainan bahasa

Dapatan temubual pelajar

Berikut merupakan hasil jawapan daripada temubual pelajar berkaitan dengan pembelajaran kata kerja berdasarkan permainan.

P1 : Kami kena fikir dengan cepat untuk mengkonjugasikan kata kerja supaya dapat terus bermain. P2 : Kata kerja yang digunakan dalam *games*, sangat banyak, kami dapat kosa kata baharu dan untuk konjugasi kami perlu lebih masa sebab kena tentukan konjugasi untuk kata kerja ar , ke ir atau er.

P3 : Seronok belajar melalui permainan tapi yang tak seronoknya bila kita tak kuasai kata kerja dengan baik sebelum bermain.

P4 : Best dr, tapi cabaran dia sangat *limited*, kena banyak lagi baru *thrill* dr.

P5 : Kena pelbagaikan lagi *games*, dalam kelas untuk belajar supaya lebih menyeronokkan

P6 : Permainan ni sangat membantu kami dalam meningkatkan konjugasi kata kerja dan cabaran yang ada membantu kami membina ayat.

P7 : boleh buat bentuk digital dr, lagi best main dan *improve* konjugasi


P8 : Permainan ini boleh membantu kami menguasai kata kerja dengan baik, konjugasi,...hmmm, membina ayat mudah bagi pecahkan kod yang ada dan pada masa yang sama belajar sampai main. P9 : sangat, sangat membantu kerana selepas bermain, kami boleh latihan yang diberikan dengan lebih mudah.

P10 : *Games* ini kena tambah baik dr, supaya lebih menarik dan lebih mencabar.

Menurut Rohaila & Fariza (2017) perkembangan pendidikan sering dikaitkan dengan perubahan generasi. Melalui perubahan generasi akan wujudnya perubahan dalam strategi pendidikan. Ini dapat dilihat pada pelajar hari ini yang digelar sebagai generasi-Z atau Gen-Z yang lahir pada pertengahan tahun 1990 ke tahun 2010. Gen-Z adalah berasaskan kepada *digital-native* iaitu sentiasa terangsang untuk mencuba sesuatu yang baru, suka belajar secara kreatif, interaktif, menyeronokkan serta berfikir di luar kotak selari dengan perkembangan teknologi. Oleh yang demikian, pembelajaran kini perlu lebih memberi fokus kepada peningkatan kemahiran teknikal yang tertentu, cara berfikir yang baru, persekitaran pembelajaran yang berbeza serta memerlukan pendekatan pendidikan baru (McGrath, & Bayerlein, 2013). Pembelajaran berasaskan permainan (*gamed-based learning*) dan gamifikasi seiring digunakan dalam proses pembelajaran pada abad ke-21. Kedua-duanya mempunyai pendekatan yang sama dalam menerapkan budaya inovasi dalam pengajaran yang mampu menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih interaktif serta dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara. Pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seharusnya melangkah seiring dengan perkembangan teknologi masa kini, justeru mengambil fokus kaedah pembelajaran berasaskan permainan antara pendidik dan pelajar. Gamifikasi juga boleh digunakan sebagai pilihan atau pelengkap kepada kaedah pengajaran untuk mencapai matlamat pengajaran atau pendidikan (Cankaya & Karamate, 2009).

Pembelajaran melalui blog

Rajah 15 menunjukkan Spanish Semudah ABC yang merupakan satu blog pembelajaran bahasa Sepanyol dibangunkan oleh Pensyarah bahasa Sepanyol bagi membantu pelajar belajar bahasa Sepanyol secara atas talian dan di dalam kelas. Terdapat pelbagai aktiviti bahasa yang menarik seperti kuiz, video interaktif pelajar, video pembelajaran dan pengajaran, Aktiviti budaya, sketsa pelajar dan projek pelajar yang dikongsi bersama pelajar lain di dalam blog. Blog ini memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan pensyarah, menukar idea, berbincang dan menguji kefahaman berdasarkan latihan yang disediakan secara atas talian. *Link* setiap topik juga dimasukkan ke dalam buku rujukan pelajar melalui pautan *Quick Response* dan pelajar boleh akses bila-bila masa dan boleh belajar secara sendiri atau di dalam kelas. Kajian Mariyati et al., (2024) menunjukkan bahawa blog pembelajaran yang dibangunkan itu dilihat secara positif oleh pelajar sebagai platform pembelajaran yang menyediakan peluang di luar bilik darjah untuk mempelajari bahasa Sepanyol. Penggunaan blog membantu meningkatkan pengetahuan pelajar dalam menguasai perbendaharaan kata, memahami sistem tatabahasa dan membina ayat yang gramatis dan seterusnya dapat membantu meminimumkan kesilapan pelajar.



Rajah 15: Pembelajaran kata kerja melalui blog pembelajaran

Dapatan temubual dengan pelajar

P1: Kami dapat menambah kosa kata Baharu (kata kerja) melalui pengajaran yang Dr bagi di dalam blog.

P2: Walaupun.ada buku rujukan, info di dalam blog dapat membantu kami dalam menambah kosa kata. Contoh, hmmm dalam blog, pensyarah ada menerangkan mengenai kata kerja, cara mengkonjugasikan kata kerja, contoh ayat dan latihan yang boleh dilakukan.

P3:kami boleh belajar mengenai kata kerja dan dapat perkataan baharu. Imbasan kod QR dalam buku rujukan sangat-sangat membantu.

P4: Penggunaan kosa kata di dalam blog lebih meluas dan boleh digunakan di dalam kelas

juga.

P5: Saya akan *scan qr code* di dalam buku rujukan untuk terus akses blog bagi topik kata kerja dan buat kuiz dalam *google form*.

P6: Kata kerja dalam blog lebih senang difahami kerana penjelasan dr jelas dan ditulis dalam bahasa Melayu.

P7: Konjugasi kata kerja saya lebih baik dengan adanya blog dr. Sangat membantu saya dalam memahami penggunaan kata kerja.

P8: Mungkin selepas ini, dr boleh terangkan juga kata kerja jenis *irregular* sebab kata kerja *irregular* lagi susah nak ingat.

P9: sangat membantu, sebab boleh berinteraksi di ruangan komen sekiranya ada yang kami tidak faham dan boleh bertanya.

P10: Rujukan yang sangat baik dr.

Melalui blog, pensyarah dapat menghuraikan penggunaan kata kerja dan konjugasi kata kerja berserta contoh maka, dapat membantu pelajar menggunakan kata kerja dengan betul dan meningkatkan pemahaman pelajar. Blog juga merupakan sumber percuma dan mudah untuk guru membuat penyelidikan dan mendapatkan maklumat dan kemahiran di luar konteks mereka. Di sebalik semua manfaat blog ini dalam pembangunan profesional guru, sedikit kajian wujud mengenai penggunaan blog dalam pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing terutamanya dalam kalangan pensyarah universiti terutama di Malaysia. Apabila kajian terdahulu ini disorot semula, dilihat kebanyakan kajian telah dilakukan untuk mengkaji peranan blog atau blog sama ada sebagai alat pengajaran dalam pengajaran bahasa asing atau alat reflektif untuk guru L2 di luar negara dalam mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (Barbosa & Serrano, 2005; Killeavy & Moloney, 2010; Miyazoe & Anderson, 2010). Walau bagaimanapun, pelajar bahasa Sepanyol juga menghadapi kesukaran dalam pembelajaran dan perlu alat bantuan untuk membantu mereka menguasai pembelajaran bahasa tersebut (Nor Shahila, et al., 2022, Radhiah, et al., 2022, Salina Husain et al., 2022). Kajian oleh Mariyati et al., (2021) menunjukkan blog membantu pelajar dalam memahami topik yang diajar di dalam kelas dan membantu penguasaan sistem tatabahasa bahasa sasaran.

PERBINCANGAN

Proses pembelajaran bahasa Sepanyol dalam kalangan pelajar Malaysia di universiti awam adalah sangat mencabar. Hal ini adalah kerana selain kerumitan tatabahasa dan perbezaan yang ketara antara bahasa Sepanyol dan bahasa Ibunda pelajar, bumi Malaysia yang jauh daripada penutur natif dan kekurangan praktis dalam kalangan pelajar juga merupakan cabaran kepada pelajar. Pelajar perlu mencari pelbagai alternatif untuk menguasai bahasa ini dengan pelbagai rangka kerja yang berterusan perlu dilakukan oleh tenaga pengajar untuk membantu pelajar lancar dalam berkomunikasi dan menguasai sistem tatabahasa terutamanya aspek pembentukan kata. Dapatan daripada jawapan latihan yang diberikan dan hasil temu bual yang dijalankan semasa kelas menunjukkan bahawa masalah terbesar yang dihadapi oleh pelajar adalah berkaitan aspek linguistik dan tatabahasa bahasa Sepanyol khususnya, morfologi (kata kerja). Setiap kata kerja perlu dikonjugasikan dan perlu mengambil kira

siapa, bila perbuatan itu berlaku dan akhiran bagi kata kerja tersebut. Jenis kata kerja juga perlu diberikan perhatian sama ada kata kerja tersebut berbentuk teratur, tidak teratur dan juga kata kerja refleksif bagi menentukan konjugasi dan perubahan yang akan berlaku pada akhiran kata kerja yang digunakan.

Pengaruh bahasa ibunda pelajar dan bahasa Inggeris nampaknya menjadi kekangan kepada pelajar dalam menguasai sebutan dan ejaan perkataan bahasa Sepanyol. Penguasaan kosa kata yang terhad juga menyebabkan idea dan pendapat tidak dapat disampaikan dengan berkesan dan ayat menjadi tergantung. Hal ini menyebabkan wujud unsur penambahan elemen yang tidak perlu dan pengurangan elemen yang perlu dalam ayat yang diujarkan atau ayat yang dibina oleh pelajar. Pemilihan kosa kata kerja juga tidak dapat dibuat dengan baik. Setiap pelajar perlu mempelajari perkataan baharu, mencatat dan menghafal dan menguasai peraturan tatabahasa dengan mahir supaya dapat memperolehi kefasihan dan berkomunikasi dengan lancar. Tidak dapat dinafikan bahawa tugas yang paling mencabar adalah di mana pelajar dikehendaki mengingat semua perkataan dan mengetahui cara menggunakannya dengan betul (My Duong et al., 2021). Penguasaan kosa kata yang terhad dan kurang praktis kerana faktor persekitaran linguistik menyebabkan pelajar tidak dapat memperolehi kosa kata yang baharu dan mudah lupa. Adalah dipercayai bahawa persekitaran linguistik boleh membantu pelajar dalam membangunkan kecekapan yang mencukupi dalam bahasa ini dengan lebih cepat dan lebih berkesan (Mohd Faiz & Mohamed 2022). Penemuan dapatan dalam kajian ini adalah sejajar dengan dapatan dalam kajian yang dilakukan oleh Nor Shahila et al., (2022) yang mengatakan bahawa, cabaran utama pelajar Malaysia dalam mempelajari bahasa Sepanyol adalah aspek linguistik seperti sebutan, peraturan tatabahasa, ketiadaan persekitaran linguistik kontekstual dan sumber bahan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol. Penguasaan leksikal dalam pembelajaran bahasa Sepanyol sangat penting untuk memudahkan pembinaan ayat dan terjemahan ayat. Penguasaan kosa kata merujuk kepada kebolehan dalam bertutur dan menulis dengan baik menggunakan kata yang bersesuaian dan bertepatan dengan tujuan tertentu. Semasa pelajar mempelajari bahasa ketiga, banyak input bahasa yang diperolehi agak sukar diingati dan kurang jelas hasil daripada pengajaran oleh guru yang berlaku hanya di dalam kelas sahaja. Kekurangan kosa kata akan menyebabkan komunikasi dan maklumat yang hendak disampaikan tidak sampai kepada pendengar atau kumpulan sasaran (Uraidah et al., 2021).

KESIMPULAN

Sesungguhnya, untuk menguasai sesuatu bahasa asing memerlukan satu perancangan khusus yang berterusan dan konsisten dan pengorbanan masa yang besar. Bagi penutur bukan natif, banyak latihan dan praktis yang perlu dilakukan bagi menguasai bahasa sasaran. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk mempelajari bahasa ini. Selain pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, pelajar boleh mengikuti pembelajaran sendiri secara dalam talian yang menyajikan pelbagai latihan, nota dan sumber pembelajaran yang efektif. Tenaga pengajar sentiasa memikirkan kaedah, strategi dan bahan yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi membantu penguasaan pelajar. Antaranya pembelajaran berasaskan gamifikasi, web blog dan laman web yang boleh diakses secara percuma seperti *duolingo* yang ternyata telah membantu ramai pelajar menguasai bahasa Sepanyol di seluruh dunia. Pembelajaran bahasa asing juga memerlukan praktis yang konsisten tidak kira di dalam kelas bersama guru mahupun bersama rakan sekelas atau rakan maya di luar kelas. Selain belajar secara sendiri, menonton telenovela, membaca akhbar, majalah dan komik juga membantu menguasai kosa kata dengan cara yang cepat dan berkesan. Mendengar lagu dan menyanyi juga membantu dalam sebutan bahasa asing. Dapatan yang diperolehi ini juga memberi implikasi kepada tenaga pengajar bahasa Sepanyol untuk memperbaiki kaedah, teknik, strategi yang lebih mantap, menarik dan berfokus kepada aspek tatabahasa dan memperbanyakkan berkomunikasi dengan pelajar agar pelajar mahir menjawab dan memberi maklum balas dalam bahasa Sepanyol dengan lancar. Kebelakangan ini, pengajaran bahasa berbantuan teknologi dan digital sangat popular dan seiring dengan strategi pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Tenaga pengajar digalakkan untuk menambahbaik kaedah pengajaran dengan inovasi pengajaran dan pembelajaran yang baharu menggunakan teknologi maya, *Artificial Intelligence*, *MOOC*, pencetakan 3D dan sebagainya agar pelajar menjadi lebih terlibat dan bermotivasi untuk cemerlang dalam bahasa asing.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Barbosa, C. A. P., & Serrano, C. A. (2005). *A blog as a construction tool for the cooperative learning and knowledge*. <http://www.abed.org.br/congresso2005/ing/pdf/011tcc3.pdf>
- Cankaya, S., & Karamete, A. (2009). The Effects of Educational Computer Games on Students' Attitudes towards Mathematics Course and Educational Computer Games. *Procedia—Social and Behavioral Sciences*, 1, 145-149. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2009.01.027>
- Husain, S., Darmi, R., Mohd Jalis, F. M., Mohd Nor, M., & Ismail, R. (2022). Student feedbacks on the use of technology in learning spanish: Maklum balas pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa sepanyol. *Law, Policy, and Social Science*, 1(2), 17–25. <https://doi.org/10.55265/lpsjournal.v1i2.15>
- Ismail, R., Husain, S., Nor, M.M., Ahmad, M., Abdullah, C, N. (2022). Implementation of Project-Based Learning in the Teaching and Learning of Spanish Language Course. *Neuroquantology*, 20(12).
- Killeavy, M. & Moloney, A. (2010). Reflection in a social space: Can blogging support reflective practice for beginning teachers? *Teaching and Teacher Education*, 26(4), 1070-1076
- Mansor, Nor Shahila, NA Aziz, BV Olmedo, MM Nor. (2022). Basic spanish for Malaysian students: Learning difficulties. *Asian Journal of University Education*, [S.l.], v. 18, n. 4, p. 1024-1033.
- McGrath, N & Bayerlein, L. (2013). *Engaging online students through the gamification of learning materials: the present and the future*. Sydney: H, Charter, M. Gosper, J. Hedberg, 573-577.
- Miyazoe, T., & Anderson, T. (2010). Learning outcomes and students' perceptions of online writing: Simultaneous implementation of a forum, blog, and wiki in an EFL blended learning setting. *System*, 38(2), 185-199.
- Mohd Faiz, N., & Mohamed, M. (2022). Internationalisation of curriculum delivery: Complexities of English as an instructional language in a non-English culture. *Asian Journal Of University Education*, 18(1), 279-289. doi:10.24191/ajue.v18i1.17197
- Mohd Nor, M. H., & Mohd Ariff Albakri, I. S. (2017). Kesilapan penggunaan kata adjektif bahasa Sepanyol dalam penulisan karangan pelajar Melayu di Universiti: The error in the usage of spanish adjectives in writing essays among Malay students in a University. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 9(2), 9–24.
- Mohd Nor, M., Na, T. L., & Md. Salleh, N. (2019). Kepekaan dan kefahaman pelajar terhadap aplikasi gender gramatikal dalam pembinaan ayat bahasa Sepanyol: Students' understanding and sensitivity towards grammatical gender applications in the construction of Spanish sentences. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 11(2), 15–25. Retrieved from <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/2654>
- Mohd Nor, M., Ismail, R., Husain, S., & Zin, H. M. (2024). Mastery of Spanish Morphology and Syntax Through E- Learning Among Malaysian Students. *Issues in language studies*, 13(1), 263–283. <https://doi.org/10.33736/ils.5782.2024>
- My Duong, T., Quoc Tran, T., & Thanh Pham Nguyen, T. (2021). Non-English majored students' use of English vocabulary learning strategies with technology-enhanced language learning tools. *Asian Journal Of University Education*, 17(4), 455-463. doi:10.24191/ajue.v17i4.1625
- Nor, M. M., Zin, H. M., & Ramli, H. (2021). Student's perception on the usage of Spanish e-learning blog as online medium to strengthen their mastery and comprehension. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(3), 625-643.
- Rohaila Mohamed Rosly & Fariza Khalid (2017). Gamifikasi: konsep dan implikasi dalam pendidikan. Pembelajaran Abad ke-21: *Trend Integrasi Pendidikan*, 144-154
- Uraidah, A. W., Mat Taib, P., & Lily Hanefarezan, A. (2021). Saiz kosa kata dan pengetahuan kolokasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).